

# Kolej francais UiTM mampu lahir ramai pelajar cemerlang

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

IPOH 6 Nov. - Penglibatan Kolej-Kolej Bersekutu atau francais dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) merupakan satu perancangan tepat dalam melahirkan lebih ramai pelajar bumiputera yang cemerlang.

Setiausaha Gabungan Kolej Bersekutu UiTM (G19), Azizul Mohd. Othman berkata, inisiatif yang diambil oleh UiTM itu membuka peluang kepada anak-anak bumiputera yang berkelayakan memperoleh pendidikan berkualiti bertaraf dunia.

Menurutnya, rangkaian mantap antara kolej-kolej melalui ikatan G19 memberi jaminan bahawa pelajar mempunyai pilihan untuk menyambung pengajian di ma-

na-mana Kolej-Kolej Bersekutu jika terdapat kolej menghentikan operasinya.

"Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam, kolej ini telah melalui proses akreditasi Lembaga Akreditasi Negara sebelum sesuatu kursus itu boleh ditawarkan.

"Di samping itu, mereka juga dikehendaki mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh UiTM dan dipantau melalui lawatan audit kualiti yang dilakukan oleh staf akademik UiTM setiap semester," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Azizul berkata demikian sebagai menyokong hasrat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyasarkan pencapaian 200,000 pelajar di UiTM.

Mengulas mengenai terdapat Kolej-Kolej Bersekutu yang dari segi fizikalnya tidak

sehebat kampus-kampus UiTM beliau berkata, kualiti pembelajaran yang dijalankan tidak pernah terkeluar dari garis piawaian yang ditetapkan.

## Setanding

"Ini terbukti apabila graduan dari kolej-kolej ini bukan sahaja berjaya menamatkan pengajian mereka dan memperoleh pekerjaan malah sebahagian besarnya melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah dengan pencapaian setanding graduan UiTM yang lain," katanya.

Justeru katanya, dakwaan segelintir pihak yang mempersoalkan kredibiliti Kolej-Kolej Bersekutu kerana menyewa rumah kedai tidak boleh diterima dan menjadi

kan ukuran.

Menurut Azizul lagi, UiTM turut terlibat secara serius bukan sahaja dari segi penyediaan soalan peperiksaan malah peperiksaan kertas jawapan dan ujian berterusan adalah di bawah pengendalian UiTM sendiri.

"Prosedur pengendalian peperiksaan turut ditetapkan dan dipantau sepanjang peperiksaan, ini ternyata lebih kemas dan ketat berbanding program francais yang dijalankan dengan universiti-universiti luar negara," katanya.

Sehubungan itu, beliau menaruh keyakinan bahawa G19 akan meletakkan komitmen sepenuhnya bagi memacu agenda pembangunan modal insan bumiputera dan matlamat pendidikan yang telah disasarkan.